

JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA
JALAN DATO' ONN,
50502 KUALA LUMPUR

Telefon: 2321957

Kawat: PERDANA

Ruj. Kami: PM(S)12313 Jld.VII
/(30).

Tarikh: 9 Disember, 1987.

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,
Ketua-Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan,
Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan.

SURAT PEKELILING AM BIL. 8 TAHUN 1987

**GERAKAN CINTAILAH BAHASA KITA DI SEKTOR AWAM
DI PERINGKAT PUSAT DAN NEGERI**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk melancarkan Gerakan Cintailah Bahasa Kita mulai dari tahun ini. Pelancaran Gerakan ini akan dilakukan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 11 Disember, 1987. Matlamat Gerakan ini di Sektor Awam adalah untuk meningkatkan mutu dan memperluas penggunaan Bahasa Malaysia secara menyeluruh dengan baik dan berkesan, sesuai dengan perkembangan dan kemajuannya yang pesat pada masa ini.

2. Bagi menjayakan Gerakan ini, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pusat Gerakan Cintailah Bahasa Kita yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Pendidikan dan sebuah Jawatankuasa Kerja Pusat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengatur program dan kegiatan yang akan dijalankan sepanjang tahun. Urusetia Pusat Gerakan ini bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka, Jalan Wisma Putra, 50460 Kuala Lumpur.

3. Semua Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun serta Kuasa Tempatan di peringkat Pusat dan Negeri hendaklah mengambil bahagian untuk menjayakan Gerakan ini dengan mengadakan program dan kegiatan di tempat masing-masing bermula pada 11 Disember, 1987. Bagi mempertingkatkan mutu dan memperluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai Bahasa Rasmi dalam pentadbiran Negara, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Ketua-Ketua Kuasa Tempatan adalah diminta mengambil perhatian kepada program dan kegiatan berikut:-

3.1. Mempamerkan poster-poster tentang Gerakan ini yang akan dibekalkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka;

3.2. Mempamerkan sepanduk atau kain rentang yang mengandungi salah satu cogan kata Gerakan ini sempena dengan hari pelancarannya pada 11 Disember, 1987. Cogan kata yang dianjurkan:

- i) Gerakan Cintailah Bahasa Kita - Dilancarkan pada 11 Disember, 1987 (dengan logo); atau
- ii) Cintailah Bahasa Kita (dengan logo).

** 3.3. Mengendalikan mesyuarat Jabatan atau mesyuarat-mesyuarat yang lain dengan menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya kecuali mesyuarat melibatkan kehadiran wakil negara asing;

3.4. Membekalkan buku atau risalah pedoman Bahasa Malaysia yang cukup kepada semua Setiausaha dan Jurutaip serta Pegawai lain yang berkenaan untuk kegunaan mereka sehari-hari. Buku-buku yang utama termasuklah:

- i) Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia;
- ii) Tatabahasa Dewan Jilid I - Ayat
- iii) Kamus Dewan (1984);
- iv) Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris - Bahasa Malaysia (1979); dan
- v) Buku-buku istilah dalam pelbagai bidang yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

3.5. Membetulkan kesalahan Bahasa Malaysia, seperti kesalahan ejaan, tatabahasa dan seumpamanya, yang masih terdapat pada papan tanda kenyataan dan arahan di Kementerian/Jabatan.

- 3.6. Menghapuskan kenyataan dan arahan dalam Bahasa Inggeris yang tidak perlu, yang masih terdapat pada papan tanda kenyataan dan arahan di Kementerian/Jabatan atau menggantikannya dengan Bahasa Malaysia.
 - 3.7. Memasukkan cogan kata 'Cintailah Bahasa Kita', atau cogan kata yang lain yang ditetapkan dalam Gerakan ini, pada semua surat rasmi Kerajaan dan dicapkan pada sampul surat kiriman.
 - 3.8. Mengedarkan buku dan risalah pedoman bahasa yang akan dibekalkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka supaya dapat dimanfaatkan oleh semua Pegawai dan Kakitangan di Kementerian/Jabatan masing-masing.
 - ** 3.9. Memastikan supaya semua Pegawai dan Kakitangan Kerajaan menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya dalam semua urusan rasmi dan apabila berurusan dengan pihak orang ramai atau pihak swasta kecuali urusan yang melibatkan negara asing.
 - 3.10. Mengadakan program dan kegiatan lain yang sesuai dengan matlamat Gerakan ini di Kementerian/Jabatan masing-masing.
4. Sehubungan dengan perenggan 3.5 di atas, cogan kata 'Kepimpinan Melalui Tauladan' perlulah dibetulkan ejaannya menjadi 'Kepimpinan Melalui Teladan'. Contoh penggunaan bahasa

dan ejaan untuk papan tanda kenyataan dan arahan yang lain adalah seperti di dalam Lampiran A dan Lampiran B.

5. Satu kajian yang menyeluruh tentang pelaksanaan dasar bahasa rasmi di sektor awam akan dijalankan. Tujuannya ialah untuk menilai tahap pencapaiannya dan masalah yang dihadapi serta mencadangkan rancangan tindakan untuk memperbaiki atau membantu mana-mana Kementerian/Jabatan yang menghadapi masalah penggunaan Bahasa Malaysia. Untuk tujuan ini, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian/Setiausaha Kerajaan Negeri/Ketua Jabatan adalah di diminta menyediakan laporan ringkas tentang kemajuan penggunaan Bahasa Malaysia di Jabatan masing-masing. Borang soal selidik berkaitan dengan Laporan ini akan diedarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka kelak. Laporan itu bolehlah dihantar terus kepada Urusetia Pusat Gerakan Dewan Bahasa dan Pustaka, Jalan Wisma Putra, 50460 Kuala Lumpur, untuk tindakan selanjutnya.

6. Untuk tujuan Gerakan ini, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian/Setiausaha Kerajaan Negeri/Ketua Jabatan dianjurkan supaya mengadakan perhimpunan rasmi agar Pegawai dan Kakitangan di Kementerian/Jabatan masing-masing dapat mengikuti Upacara Pelancaran Gerakan Cintailah Bahasa Kita Peringkat Pusat yang akan dilakukan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, melalui Televisyen Malaysia pada pukul 9.15 pagi, hari Jumaat, 11 Disember, 1987.

7. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri adalah diminta mengadakan Gerakan Cintailah Bahasa Kita di Peringkat Negeri masing-masing sekurang-kurangnya bermula pada bulan Mei, 1988. Perhatian perlu diberikan untuk mengadakan program dan kegiatan seperti yang disebutkan di perenggan 3.1 hingga 3.10 di atas.

8. Untuk menjayakan program dan kegiatan dalam Gerakan ini, Urusetia Pusat Gerakan Cintailah Bahasa Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka akan berurusan secara terus dengan Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di peringkat Pusat dan Negeri bagi melaksanakan program dan kegiatan Gerakan ini. Dalam hubungan ini, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian/Setiausaha Kerajaan Negeri/Ketua Jabatan adalah diminta memberikan perhatian dan kerjasama yang sebaik-baiknya kepada Urusetia Pusat untuk menjayakan Gerakan ini.


9. Maklumat tentang segala program dan kegiatan yang diselenggarakan di semua peringkat Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di peringkat Pusat dan Negeri hendaklah dimaklumkan kepada Urusetia Pusat Gerakan di Dewan Bahasa dan Pustaka serta Jabatan Perdana Menteri untuk rekod dan penyelarasan.

10. Semua pertanyaan berkaitan dengan Gerakan Cintailah Bahasa Kita ini hendaklah dirujuk kepada Urusetia Pusat Gerakan Cintailah Bahasa Kita, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jalan Wisma Putra, 50460 Kuala Lumpur.

11. Surat Pekeliling Am ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

' CINTAILAH BAHASA KITA '



(TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED)
Ketua Setiausaha Negara.

NOTA:

** Program yang belum dilaksanakan lagi di Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.

**SENARAI CONTOH PENGGUNAAN KATA DAN EJAAN
UNTUK PAPAN KENYATAAN DAN ARAHAN**

Bil.	Yang Betul	Bukan
	Ambulans	Ambulan
	Balai Raya	Balairaya
	Bayar di Sini	Bayar Disini
	Berkhidmat untuk Bangsa dan Negara	
	Bil Air	
	Bil Elektrik	Bil Letrik
	Bilik Mesyuarat	Bilek Meshuarat
	Bilik Rehat	Bilik Berehat
	Bilik Sembahyang Lelaki	
	Bilik Sembahyang Wanita	
	Borang Boleh Didapati di Kaunter Perkhidmatan	
	Dalam Masa Kecemasan, Jangan Gunakan Lif. Gunakan Tangga	
	Dewan Makan	
	Dewan Masyarakat	
	Dewan Serba Guna	Dewan Serbaguna
	Dewan Tunggu	Dewan Menunggu
	Dilarang Masuk ke Kawasan Ini	
	Dilarang Masuk Tanpa Urusan Rasmi	

Bil.	Yang Betul	Bukan
	Dilarang Tempal Pelekat	
	Dilarang Merokok	Di-larang Merokok; Di Larang Merokok
	Dilarang Membuang Sampah di Sini	Di-larang Membuang Sampah Disini
	Ibu Pejabat	Ibupejabat
	Jadikan Sopan-Santun Amalan Kita	
	Jagalah Kebersihan	
	Jangan Berludah Di Sini	
	Jangan Bising	
	Jangan Gunakan Lif pada Waktu Kecemasan	
	Jawatan Kosong	
	Kantin	
	Kawasan Larangan	
	Keluar	
	Ketua Stesen	
	Kepimpinan Melalui Teladan	Kepimpinan Melalui Tauladan
	Makmal	
	Masuk	Masok
	Medan Kereta	
	Medan Selera	
	Mengambil Penumpang	
	Menurunkan Penumpang	
	Mesyuarat Sedang Berlangsung	
	Pembayaran dihadkan kepada 4 Bil Sahaja	

Bil.	Yang Betul	Bukan
	Penukar Wang	
	Penukaran Wang Tidak Dibenarkan	
	Perpustakaan Awan	
	Pertanyaan	
	Pintu Kecemasan	
	Rumah Rehat (Rest House)	
	Selamat Datang	
	Senyap	
	Sila Beratur	
	Studio	
	Tandas Laki-laki; Tandas Lelaki	
	Tandas Wanita	
	Telefon	Talipon
	Tempahan Awal	
	Tempat Letak Kereta	
	Tempat-tempat Lain	Lain-lain Tempat
	Terima Kasih	
	Terima Kasih Kerana Tidak Merokok	
	Tiket untuk Keretapi Mel	
	Tutup	
	Warung Makanan	Warong Makanan
	Waktu Niaga	
	Waktu Pembayaran	
	Waktu Perundingan (Consultation Hours)	

ISYARAT LALULINTAS

1. BERHENTI DI SIMPANG JALAN
2. DILARANG BELOK KE KIRI
3. DILARANG BELOK KE KANAN
4. DILARANG BERPUSING BALIK
5. KENDERAAN DILARANG MASUK
6. KENDERAAN MELEBIHI - TAN DILARANG MASUK
7. KENDERAAN MELEBIHI - METER TINGGI DILARANG MASUK
8. HAD LAJU
9. KENDERAAN JENIS INI DILARANG MASUK
10. MOTOSIKAL DILARANG MASUK
11. HAD LAJU BERAKHIR
12. DILARANG MELETAK KENDERAAN
13. DILARANG BERHENTI
14. DILARANG MEMBUNYIKAN HON
15. BERI LALUAN
16. KENDERAAN MELEBIHI - METER LEBAR DILARANG MASUK
17. BERHENTI, KANAK-KANAK MELINTAS
18. ZON HAD LAJU DI HADAPAN
19. DILARANG MEMOTONG
20. IKUT ARAH ANAK PANAH
21. JALAN TERUS ATAU BELOK KE KANAN
22. BELOK KE KANAN SAHAJA
23. LORONG BASIKAL SAHAJA
24. LORONG BASIKAL RODA TIGA SAHAJA
25. LORONG MOTOSIKAL SAHAJA

26. LORONG BECA SAHAJA
27. LORONG KENDERAAN JENIS INI SAHAJA
28. IKUT KIRI
29. JALAN TIDAK RATA
30. SELEKOH BAHAYA
31. SIMPANG EMPAT
32. LINTASAN KERETAPI BERPAGAR
33. LINTASAN KERETAPI BERPAGAR AUTOMATIK
34. LINTASAN KERETAPI BERPALANG
35. MENURUN BUKIT CURAM
36. MENDAKI BUKIT CURAM
37. SELEKOH KE KANAN
38. SELEKOH KE KIRI
39. JALAN BENGKANG-BENGGOK
40. BAHU JALAN LEMBUT
41. JALAN LICIN
42. LINTASAN JALAN KAKI
43. KANAK-KANAK MELINTAS
44. AWAS
45. ISYARAT BERHENTI DI HADAPAN
46. ISYARAT BERI LALUAN DI HADAPAN
47. LALUAN SEMPIT DI HADAPAN
48. JALAN SEMAKIN SEMPIT
49. LAMPU ISYARAT DI HADAPAN
50. HALANGAN DI HADAPAN
51. JALAN BERSIMPANG DI KIRI KANAN
52. JALAN BERSIMPANG DI KIRI KANAN KENDERAAN
DILARANG MASUK KE SIMPANG KIRI/KANAN

53. SIMPANG TIGA, JALAN BESAR DI HADAPAN
54. SIMPANG JALAN DI SEBELAH KANAN
55. SIMPANG JALAN DI SEBELAH KIRI
56. SIMPANG JALAN KECIL DI SEBELAH KANAN
57. SIMPANG JALAN KECIL DI SEBELAH KIRI
58. TANAH RUNTUH
59. LEMBU MELINTAS
60. BULATAN DI HADAPAN
61. LORONG MENDAKI
62. ORANG BUTA/TUNANETRA
63. LINTASAN UNTUK ORANG CACAT
64. JAMBATAN SEMPIT DI HADAPAN
65. JALAN BER CABANG
66. LALULINTAS DUA HALA
67. LEBUH RAYA PEMBAHAGI JALAN (DIVIDER)
68. LEBUH RAYA PEMBAHAGI JALAN DI HADAPAN
69. STESEN JAMBATAN TIMBANG
70. LINTASAN BINATANG LIAR
71. SIMPANG JALAN KE KIRI DAN KE KANAN
72. KAWASAN SEKOLAH DI HADAPAN
73. TANDA ARAH SELEKOH KE KANAN
74. TANDA ARAH SELEKOH KE KIRI
75. TANDA ARAH KIRI KANAN
76. TANDA HALANGAN
77. JALAN SEDANG DIPERBAIKI
78. LONGGOKAN BAHAN BINAAN DI TEPI JALAN
79. LORONG KIRI DITUTUP KEPADA LALU LINTAS

80. LORONG TENGAH DITUTUP KEPADA LALULINTAS
81. LORONG KANAN DITUTUP KEPADA LALULINTAS
82. LENCONGAN
83. LENCONGAN BAHAYA
84. RINTANGAN
85. BERHENTI
86. JALAN
87. PERHENTIAN BAS
88. NAMA TEMPAT
89. TELEFON AWAM
90. TEMPAT MELETAK KENDERAAN
91. HOSPITAL/PUSAT KESIHATAN
92. HOSPITAL
93. STESEN MINYAK
94. JALAN MATI
95. DIBENARKAN BERPUSING BALIK
96. ARAH KE SIMPANG JALAN KE BANDAR BESAR
97. ARAH JALAN DARI SIMPANG
98. ARAH JALAN
99. PENUNJUK SIMPANG
100. PENUNJUK JARAK
101. KERJA-KERJA PEMBAIKAN JALAN DI HADAPAN
102. KERJA-KERJA PEMBINAAN DI HADAPAN
103. ARAH TUJU
104. TANDA JALAN
105. LALUAN SIKAL
106. DILARANG TUNGGU

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA.
9 Disember, 1987.